

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.03.2018

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) butiran terperinci tapak tanah Kerajaan yang telah dijual kepada Bank Negara Malaysia pada bulan Disember tahun lalu dengan harga RM2 bilion; dan
- (b) adakah pemindahan hak milik telah diselesaikan (completed).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia telah menjual kepada Bank Negara Malaysia (BNM) sebidang tanah seluas 55.79 ekar yang terletak bersebelahan dengan kompleks Sasana Kijang BNM. Kos pembelian tanah ini adalah

sebanyak kira-kira RM2 bilion bergantung kepada kaji ukur terperinci kawasan terlibat. Penilaian harga tanah ini adalah seperti yang dipersetujui bersama oleh BNM dan Kerajaan Malaysia berdasarkan penilaian pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Transaksi penjualan tanah ini telah disempurnakan selepas kedua-dua pihak mengadakan beberapa siri perbincangan selama beberapa bulan. Pemindahan hak milik tanah kepada BNM juga telah selesai disempurnakan.